

# Dua lelaki asing dituduh miliki syabu dibicara lanjut 14 Mac

**MIRI:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menetapkan 14 Mac depan untuk sebutan lanjut kes dua lelaki warga asing yang dituduh memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Manakala kedua-dua tertuduh yang tidak ditawarkan jaminan diperintahkan supaya ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Hakim Azreena Aziz setelah mendengar permohonan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Ihsan Jalalludin.

Dalam permohonannya, Ihsan memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk sebutan lanjut kes sementara menunggu laporan kimia berhubung barang kes siap.

Warga Indonesia terbabit masing-masing Sahiri dari Bulukumba, Sulawesi Selatan dan Agus Prasetyo dari Sailing, Makasar, telah didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A (2) akta sama serta dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau tidak kurang lima tahun dan sebatan tidak kurang 10 kali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, kedua-dua tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952 telah didakwa memiliki dadah berbahaya jenis syabu (Methamphetamine) seberat 45.35 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 1 petang, 29 Januari lalu di Jalan Sungai Kelabit, Jalan Beluru-Bakong.

Tiada pengakuan salah kedua-dua direkodkan.